

Objektif pembelajaran: Mengenal pasti soalan yang betul berdasarkan jawapan yang diberikan.

AYAT TANYA

Pilih soalan yang betul.

1. Soalan : _____ ?

Jawapan : Saya tidak mahu bermain kerana saya letih.

A: Kenapakah awak tidak mahu bermain?

B: Bilakah awak mahu bermain?

C: Di manakah awak mahu bermain?

☐

2. Soalan : _____ ?

Jawapan : Saya akan menyambut harijadi saya esok.

A: Bagaimanakah awak menyambut harijadi awak?

B: Kenapakah awak menyambut harijadi awak?

C: Bilakah awak menyambut harijadi awak?

☐

3. Soalan : _____ ?

Jawapan : Nama kawan baik saya ialah Farah.

A: Apakah nama kawan baik awak?

B: Siapakah nama kawan baik awak?

C: Bilakah nama kawan baik awak?

☐

4. Soalan : _____ ?

Jawapan : Mereka bermain bola sepak di padang itu.

A: Di manakah mereka bermain bola sepak?

B: Kenapakah mereka bermain bola sepak?

C: Bagaimanakah mereka bermain bola sepak?

☐

5. Soalan : _____ ?

Jawapan : Saya lulus peperiksaan dengan belajar bersungguh-sungguh.

A: Di manakah awak lulus peperiksaan?

B: Bagaimanakah awak lulus peperiksaan?

C: Berapakah awak lulus peperiksaan?

☐